



SEPAKAT...(dari kiri) Mohd Zohadie dan Yeoh memeterai MoA mengenai penyelidikan berasaskan herba di UPM.

UPM IKTIRAF HERBA

Meterai perjanjian dengan Autoimmune

Oleh **Ruhaiza Rusmin**
ruhaiza@hmetro.com.my

KHASIAT tumbuh-tumbuhan tempatan bukan saja dikenali sebagai sumber makanan berpotensi untuk menjaga kesihatan, malah sudah dieksploitasi kegunaannya dalam bidang perubatan sebagai alternatif untuk menyembuhkan penyakit.

Fungsi dan keberkesannya yang semakin diiktiraf kini diformulasi secara saintifik oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan mencapai persetujuan untuk be-

kerjasama dengan syarikat penyelidikan Autoimmune Sdn Bhd.

Selaras itu, UPM memeterai Memorandum Perseetujuan (MoA) dengan Autoimmune, baru-baru ini di kampus induk UPM di Serdang, baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie, berkata persetujuan berkenaan dilihat sebagai langkah awal untuk menjalankan penyelidikan dan perundingan dalam mempertingkatkan dokumentasi saintifik perubatan berasaskan herba.

Menurutnya, hasil kajian yang dijalankan diharap ber-

upaya membantu mereka yang memerlukan terutama pesakit kanser yang selama ini bergantung kepada ubatan moden.

"Perubatan berasaskan herba sudah lama digunakan, tapi tidak secara meluas.

"Dengan adanya penyelidikan ini, ia diharapkan dapat menghasilkan herba bermutu tinggi yang boleh digunakan bersama dalam bidang perubatan selain mampu mengubah pandangan masyarakat," katanya sewaktu menandatangani perjanjian bersama pengarah urusan Autoimmune, Patriek Yeoh.

Selain Mohd Zohadie, majlis berkenaan dihadiri Pengarah Pusat Perniagaan UPM, Profesor Madya Dr Johari Endan dan wakil Autoimmune, David Lim.

Dalam perjanjian berkenaan, UPM akan menilai beberapa formula berasaskan botani bagi menghasilkan data saintifik untuk menyokong pelbagai kaedah perubatan yang akan dihasilkan.